

# Ketua Bahagian Padang Serai dicabar

UM <sup>100th</sup> 4 APR 2001

KULIM 3 April — Ketua UMNO Bahagian Padang Serai, Mohd. Hadzir Ismail akan dicabar oleh timbalannya, Yusoff Harun untuk merebut jawatan tertinggi dalam bahagian itu pada persidangan perwakilan April ini.

Mohd. Hadzir merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Ketil dan Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah.

Jawatan Timbalan Ketua UMNO bahagian, yang dikosongkan oleh Yusoff dijangka menyaksikan persaingan hebat antara dua tokoh iaitu seorang muka baru, Datuk Abdul Rahim Razak dan Abdul Halim Muhammad.

Abdul Rahim sekarang ini merupakan seorang ahli korporat dan pernah bertugas sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika menjadi Menteri Dalam Negeri.

Sementara itu, Abdul Halim, yang sebelum itu sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO bahagian tidak mempertahankan jawatannya kerana telah melebihi had umur yang dibenarkan.

Bagi jawatan Naib Ketua bahagian pula, yang sekarang ini sandang oleh Hanafiah Md. Dani akan dicabar oleh bekas Naib Ketua bahagian tersebut. Razali Ishak.

Untuk jawatan Ketua Pergerakan Pemuda dua muka baru iaitu, Ku Rashidi Ku Mat Esa dan Abdul Rahman Mahmud akan menghadapi persaingan yang agak sengit untuk merebut jawatan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri Merbau Pulas, Marlia Abdul Latiff, yang bertanding jawatan Ketua Pergerakan Wanita buat kali pertama akan menghadapi cabaran daripada Faridah Shariff.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO bahagian sebelum itu, Cek Pora Omar, yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Merbau Pulas telah melepaskan jawatannya itu disebabkan masalah kesihatan.